



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

(Ministry of Health Malaysia)

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

(Allied Health Sciences Division)

ARAS 2, BLOK A, BANGUNAN UTAMA CHANCERY PLACE

JALAN DIPLOMATIK 2, PRESINT DIPLOMATIK

PRESINT 15, 62650 PUTRAJAYA



Telefon : 03 – 8890 1011

No. Fax : 03 – 8890 1060

Ruj Kami : KKM.100-6/1/193 Jld.3 (3)

Tarikh : 15 Jun 2020

SENARAI EDARAN


YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**GARIS PANDUAN BERSEPADU PELAKSANAAN LATIHAMAL BAGI PELAJAR/
PELATIH PENDIDIKAN TINGGI DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PANDEMIK COVID-19**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Bahagian ini kerap menerima pertanyaan mengenai status pelajar/ pelatih untuk menjalani latihan di Fasiliti Kesihatan berdasarkan Garis Panduan Bersepadu Pelaksanaan Latihan Bagi Pelajar/ Pelatih Pendidikan Tinggi di Fasiliti Kesihatan Malaysia Pasca PKP bertarikh 9 Jun 2020.
3. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum negara kini dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula dari 10 Jun 2020-31 Ogos 2020. Ini bermakna negara masih lagi berada dalam fasa PKP dengan beberapa kelonggaran serta *Standard Operating Procedure* (SOP) ketat oleh pihak kerajaan.
4. Sehubungan itu sepanjang PKPP ini masih berkuatkuasa, pelaksanaan latihan bagi pelajar / pelatih pendidikan tinggi di Fasiliti Kesihatan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Bagi Pelajar IPT di Fasiliti KKM Semasa Wabak COVID-19 bertarikh 13 April 2020, Edaran Garis Panduan Preliminari Pelaksanaan Perkhidmatan Hospital Pasca PKP:Versi 1.0 bertarikh 13 Mei 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Garis Panduan Pengendalian Aktiviti IPT Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 27 Mei 2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

...2/



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT NO.: QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT NO.: QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT NO.: QMS 01897

5. Bahagian ini mengambil maklum dengan semua SOP yang telah ditetapkan dan berpendirian untuk **menangguhkan** semua pelaksanaan latihan/pelajar/ pelatih program di bawah kesihatan bersekutu sehingga fasa PKP ditamatkan kelak.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi **Cik Seraji binti Haji Zawawi** di talian **03-88901011 ext 121** atau emel kepada **serajizawawi@moh.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ABDUL JALIL BIN MOHAMED)

Timbalan Pengarah Kanan

Cawangan Amalan dan Regulatori

b.p Pengarah

Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah
Jabatan Kesihatan WP Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur